



UUM ONLINE: Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Ketua-ketua jabatan meraikan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang menerima Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Dato' sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan ke-83 Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr. Rosna Awang yang mewakili warga universiti ketika menyampaikan ucapannya mengucapkan tahniah dan melahirkan rasa bangga dengan penganugerahan DSDK itu.

Katanya, penganugerahan itu amat bermakna bukan sahaja bagi Naib Canselor malah satu pengiktirafan kepada universiti ini.

Katanya, sumbangan beliau sejak 26 tahun lalu di kampus ini yang bermula sebagai tutor, pensyarah, Pengetua Kolej Kediaman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Alumni serta lain-lain jawatan telah sampai kekemuncaknya dengan penganugerahan darjah kebesaran oleh Sultan Kedah yang juga Canselor universiti ini.

"Walaupun tidak sampai setahun beliau memegang jawatan sebagai Naib Canselor namun banyak perancangan dan pelaksanaan idea baru telah dilaksanakan demi mencapai hasrat untuk menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka," katanya.

Dr. Rosna menambah, Prof. Dato' Mohamed Mustafa juga telah meminta kakitangan di kampus ini untuk mengubah cara berfikir dan gaya di tempat kerja dengan menjalinkan hubungan yang lebih baik sesama mereka.

"Pengiktirafan oleh Kerajaan negeri Kedah ini diharap dapat memberi semangat yang lebih kuat kepada Naib Canselor untuk membangunkan universiti dan warga kampus akan memberi sokongan yang penuh," katanya ketika berucap di majlis itu.

Dalam pada itu, Prof. Dato' Mohamed Mustafa ketika berucap melahirkan rasa terima kasih dan bersyukur kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan merasakan penganugerahan yang diterima ini adalah juga sebagai pengiktirafan kepada pihak universiti.

"Saya suka melahirkan perkataan terima kasih dan bersyukur kerana kejayaan seseorang itu tidak tercapai dengan sendirinya," katanya.

Prof. Dato' Mohamed Mustafa menambah beliau lebih suka agenda universiti ini sentiasa di beritahu agar kakitangan sentiasa mengingatinya dan berusaha untuk mencapai misi dan visi yang di tetapkan.

"Saya juga menyeru kakitangan di kampus ini juga mewujudkan keseronokan semasa bekerja dan mempamerkan keselesaan diruang tempat bekerja masing-masing supaya kelihatan kemas dan menarik susunannya," ujar beliau lagi.

Di majlis itu beliau turut menerima kad ucapan tahniah yang ditandatangani oleh kakitangan universiti ini.

Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak adalah antara 48 orang yang menerima darjah kebesaran termasuk Toh Puan Laksamana Kedah, Datin Seri Nora Abdullah; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Dr. Hamdan Mohamed Khalid; Penasihat Undang-Undang Negeri, Anas Ahmad Zakie; Duta Malaysia ke Mesir, Dr. Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my